

**TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR UiTM
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

Diwakili oleh:

**TIMBALAN NAIB CANSOLOR
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR TS. DR. NORAZAH ABD. RAHMAN**

Sempena

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
DENGAN
MALAYSIAN OCCUPUTIONAL SCAFFOLDING
ASSOCIATION
DAN
MKRS BUMI SDN. BHD.**

11 APRIL 2023 | SELASA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera**

[Salutasi-kemas kini berdasarkan kehadiran]

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA dengan Malaysian Occupational Scaffolding Association dan MKRS Bumi Sdn Bhd.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam dari Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor yang tidak dapat bersama kita pada hari ini. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Kolej Pengajian Kejuruteraan atas komitmen dan usaha

berterusan dalam meningkatkan kerjasama antara UiTM dengan pihak-pihak berkepentingan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Dalam menyediakan pendidikan inovatif dengan infrastruktur dan teknologi terkini ke arah menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025, UiTM amat berbesar hati dan mengalu-alukan kerjasama dengan pihak industri termasuklah agensi kerajaan seperti MOSA dan MKRS Bumi Sdn. Bhd.
4. Secara spesifiknya, kerjasama antara UiTM dengan MOSA dan MKRS Bumi Sdn. Bhd. ini adalah di bawah projek pembangunan pendidikan dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat yang merangkumi perkara berkaitan;
 - penyediaan kemudahan penyelidikan dan perkongsian ilmu
 - penempatan pelajar latihan industri dan sangkutan ahli akademik di MOSA dan MKRS Bumi Sdn. Bhd.

- penggunaan kemudahan bahan rujukan elektronik bagi tujuan penyelidikan dan pembelajaran
- pelaksanaan aktiviti akademik seperti pementoran
- dan kolaborasi dalam membangunkan serta mengoptimumkan penggunaan kepakaran pada tahap profesionalisme menerusi kerjaya masing-masing.

5. Pada masa yang sama, kerjasama ini turut memberi peluang kepada para penyelidik yang terlibat untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan yang berimpak tinggi.

6. Dalam konteks ini, penyelidikan berasaskan penglibatan komuniti atau *community-based participatory research* diterapkan selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 terutamanya dalam aspek penggunaan teknologi maklumat dan ICT dalam penyampaian perkhidmatan kepada komuniti.

7. Saya berharap kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam penghasilan produk penyelidikan yang memberi pelbagai kebaikan kepada masyarakat dan negara.
8. Saya yakin melalui hubungan kerjasama ini, lebih banyak program akademik, penyelidikan dan pembangunan modal insan akan dilaksanakan ke arah menjadikan UiTM lebih mapan dalam mencapai objektif serta matlamat organisasinya.
9. Pandangan serta perspektif dari pihak MOSA dan MKRS Bumi Sdn. Bhd. menerusi kerjasama ini amat penting buat UiTM, khususnya dalam memantapkan kualiti kurikulum dan akademik, agar sentiasa relevan dengan kemajuan serta keperluan industri masa kini.
10. Akhir kata, sekali lagi terima kasih saya ucapkan kepada pihak MOSA dan MKRS Bumi Sdn. Bhd. dalam menjayakan kerjasama ini. Terima kasih juga

saya ucapkan kepada semua pihak yang telah memastikan kerjasama ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

11. Semoga segala perancangan yang diatur dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dan dijadikan asas kepada perkongsian ilmu yang dapat memberi manfaat positif kepada kedua-dua belah pihak.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.